

Global 2004 usaha jana hubungan bermanfaat

Um - 27/5/2004: 2

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

PUTRAJAYA 26 Mei — Dialog Antarabangsa Langkawi 2004 (Global 2004) menetapkan usaha menjana hubungan yang lebih banyak membawa manfaat bersama sebagai agenda teratas dialog tahunan pergerakan perkongsian bijak itu, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, dialog kali ini iaitu pada 29 hingga 31 Julai ini menggariskan kemiskinan, hubungan kaum, HIV dan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (Aids), penyalahgunaan dadah serta jenayah sebagai isu-isu yang akan diberi perhatian semula.

Ia memandangkan kesannya yang besar terhadap aspek sosial, melemahkan daya tahan negara dan menjejaskan prospek pembangunan.

Beliau menganggap dialog tahunan ini yang tercetus daripada Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang diasaskan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai amat penting dan memberi komitmen untuk meneruskannya.

"Saya gembira tahun ini kita dapat menyaksikan dialog ini kembali ke Langkawi dan berharap dapat mengajarkannya dengan lebih berjaya," katanya pada sidang akhbar bagi melancarkan Global 2004

bersama Raja Swaziland Mswati III, di Hotel Shangri-la di sini hari ini.

Raja Mswati III merupakan penaung Global 2003 memandangkan ia diadakan di Ezulwini, Swaziland tahun lalu.

Dialog Antarabangsa Perkongsian Bijak yang dicetuskan daripada LID iaitu aktiviti di bawah Program Pengurusan Teknologi Komanwel (CPTM) menetapkan Langkawi dan negara Afrika sebagai tuan rumah secara bergilir-gilir setiap tahun.

Global 2004-Langkawi akan meneruskan tema 'Ke Arah Dunia Yang Lebih Bijak' dengan tumpuan isu-isu berkaitan 'Cabaran Pembangunan'.

Perdana Menteri berharap Global 2004 dapat terus menjadi asas kepada pengwujudan rangkaian interaksi yang lebih erat antara rakan dialog sama ada kerajaan atau swasta dalam membawa manfaat bersama.

Menjawab soalan wartawan Swaziland, Abdullah memberitahu yang beliau akan mengadakan lawatan ke negara itu tidak lama lagi bagi mengukuhkan hubungan erat yang sedia terjalin.

Sementara itu, Raja Mswati III dalam ucapannya berkata, beliau yakin bahawa Malaysia selaku pengasas pergerakan perkongsian bijak akan terus memupuk falsafah tersebut untuk memastikan semua rakan kongsi dialog menikmati faedahnya.

Beliau percaya Global 2004 akan meneruskan konsep kerjasama menang-menang menerusi dialog yang terbukti merupakan pendekatan bukan kekerasan untuk membina negara yang berasaskan keselamatan sejagat.

"Pada waktu dunia menghadapi pelbagai masalah, prinsip perkongsian bijak merupakan formula yang berjaya menyelesaikan konflik secara aman seterusnya menyumbang kepada dunia yang lebih selamat untuk semua," katanya.

Beliau amat yakin falsafah tersebut sangat relevan dalam menyelesaikan masalah dan membangunkan negara.

"Swaziland menganjurkan dialog peringkat kebangsaan dengan berjaya tahun lalu. Semua sektor dalam masyarakat Swazi berpeluang memberi sumbangan melalui pendekatan perkongsian bijak.

"Ia merupakan cara unik dan terbaik dalam pembinaan negara dan kami akan mengadakan dialog serupa bulan depan," katanya.

Menjawab soalan pemberita mengenai langkah-langkah yang telah diambil untuk menangani masalah utama yang dihadapi oleh negara Afrika seperti kemiskinan, Raja Mswati III berkata, sebenarnya banyak usaha telah dibuat, namun masalah ekonomi dan kesihatan yang membelenggu



ABDULLAH AHMAD BADAWI bersalaman dengan Raja Mswati III selepas sidang akhbar bersama mengenai Dialog Antarabangsa Langkawi 2004 (Global 2004) di Hotel Shangri-la, Putrajaya, semalam.

benua itu menyebabkan sebahagian besar dana terpaksa disalurkan untuk menanganinya dua isu utama itu.

"Kita dapati agak sukar untuk memberi tumpuan membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat sebab selain ekonomi, masalah kesihatan termasuk HIV, tibi dan malaria masih berleluasa dan semua ini memerlukan dana yang besar untuk ditangani," katanya.

Bagaimanapun, katanya, masing-masing negara mempunyai rancangan pembangunan malah Swaziland sendiri menetapkan sasaran tertentu untuk dicapai tahun ini dari segi menyediakan peluang pekerjaan, meningkatkan sektor pertanian dan pelancongan di samping dana untuk pelajar miskin.